

D.R. 11/2013

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2013.

Pindaan seksyen 6

2. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [*Akta 747*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 6 teks bahasa kebangsaan—

(a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) menghendaki pemberi perkhidmatan komunikasi untuk memintas dan menyimpan komunikasi tertentu atau komunikasi daripada perihalan tertentu yang diterima atau dihantar, atau yang akan diterima atau dihantar oleh pemberi perkhidmatan komunikasi itu; atau”; dan

(b) dalam subseksyen (7), dengan memotong perkataan “komunikasi” yang terdapat selepas perkataan “telegraf,”.

Pindaan seksyen 30

3. Seksyen 30 Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Apabila Pendakwa Raya memfailkan suatu notis rayuan terhadap pembebasan itu, Pendakwa Raya boleh memohon kepada mahkamah perbicaraan bagi mendapatkan suatu perintah untuk memenjarakan tertuduh yang direman dalam jagaan polis itu sementara menunggu beresnya rayuan.”.

Penggantian Jadual Pertama

4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

(Seksyen 3)

KESALAHAN KESELAMATAN

Kanun Keseksaan [*Akta 574*]:

- (i) Kesalahan di bawah Bab VI
- (ii) Kesalahan di bawah Bab VIA
- (iii) Kesalahan di bawah Bab VIB

Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [*Akta 670*]:

Kesalahan di bawah Bahagian IIIA”.

Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 3
(Pindaan)

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (“Akta 747”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* dan *3* bertujuan untuk meminda seksyen 6 dan 30 teks bahasa kebangsaan Akta 747 supaya selaras dengan teks bahasa Inggeris.
4. *Fasal 4* bertujuan untuk menggantikan Jadual Pertama kepada Akta 747 dengan Jadual Pertama baru untuk memasukkan dua kesalahan keselamatan baru iaitu Bab VI_B Kanun Keseksaan [*Akta 574*] dan Bahagian III_A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [*Akta 670*].

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan pada masa ini.

[PN(U2)2903D/K]